
Department • of • Estate • Management

Sch. ■ of ■ Architecture ■ Planning ■ & ■ Surveying

Institut Teknologi MARA 40450 Shah Alam, Selangor

**Penswastaan
Sistem Pengangkutan Awam
di Malaysia**

**Kes Kajian
Projek Lebuhraya Utara-Selatan**

**Satu projek yang disediakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat untuk penganugerahan
Diploma Lanjutan Pengurusan Hartanah**

Disediakan Oleh:

SHARIFAH DARNI SHIMAR BTE SYED KAMARUL DAHRIN

Mei, 1993

Penswastaan Sistem Pengangkutan Awam di Malaysia

Kes Kajian : Projek Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS)

Isi Kandungan

(f: conten.doc)

	m.s
Penghargaan	i
Senarai Jadual	viii
Senarai Gambarajah	x
Senarai Lampiran	xi
Senarai Gambar Foto	118
Bibliografi	211

BAB PENDAHULUAN

Pendahuluan	1
Matlamat	1
Objektif	1

BAB 1

SISTEM PENGANGKUTAN DI MALAYSIA

Fungsi Pengangkutan	4
Objektif Pengangkutan	
1.0 Pengangkutan Awam Di Malaysia	5
1.1 Perkembangan Sistem Pengangkutan Awam Sebelum 1985	
1.12 Perkembangan Sistem Pengangkutan Awam Selepas 1985	7
1.2 Pengangkutan Jalanraya	9
1.21 Pencapaian & Rangkaian Jalanraya	
1.22 Projek-Projek Jalanraya	10
1.3 Pengangkutan Keretapi	11
1.31 Pencapaian	
1.32 Program-Program yang dilaksanakan	12
1.4 Pengangkutan Maritime	13
1.41 Pencapaian	
1.42 Program-program Pembinaan dan Pembesaran Pelabuhan	14
	15

BAB PENDAHULUAN

Pendahuluan

Pengangkutan dan perhubungan merupakan sebahagian daripada unsur utama dalam proses pembangunan/kepesatan pertumbuhan ekonomi negara. Infrastruktur yang mencukupi dan cekap memudahkan pergerakkan sumber-sumber antara pusat pengeluaran dan penggunaan. Ia juga telah memainkan peranan yang penting dalam menggalakkan pembangunan kawasan luar bandar dan di dalam memperluaskan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk luar bandar untuk menyertai proses pertumbuhan ini.

Pertumbuhan yang pesat dalam pelbagai sektor ekonomi juga telah mewujudkan permintaan yang lebih besar terhadap pengagihan, keupayaan dan kecekapan rangkaian pengangkutan dan perhubungan di negara ini.

Matlamat

Program penswastaan sistem pengangkutan awam merangkumi matlamat-matlamat berikut:

1. Menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara
2. Mengurangkan bebanan kewangan Kerajaan
3. Meningkatkan kecekapan
4. Mewujudkan satu sistem perkhidmatan pengangkutan awam yang berkesan, memuaskan dan sempurna kepada semua pihak yang terlibat.

Objektif

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji samada program penswastaan sistem pengangkutan awam dapat menyumbangkan kesan-kesan positif ke atas pembangunan semasa.

Objektif kajian ini merangkumi beberapa perkara seperti berikut:

1. Untuk menganalisa apakah kelemahan dan kebaikan yang wujud dalam sektor awam dan swasta khususnya dari segi pencapaian program penswastaan PLUS ini dalam sektor pengangkutan. Tinjauan di dalam Bab 1 & 2 mengenai gambaran secara am mengenai sistem pengangkutan awam di Malaysia yang sedia ada serta sebelum program penswastaan diperkenalkan, permasalahan yang timbul/dihadapi di sektor pengangkutan ini, kajian ke atas berlakunya peningkatan dalam sistem perkhidmatan awam dan swasta dan mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhinya.
2. Untuk mengenalpasti sejauh manakah penswastaan memberi kesan yang positif dalam usaha meningkatkan kecekapan dalam perkhidmatan pengangkutan awam. Faktor-faktor penyebab perlunya program penswastaan ini diamalkan di negara ini akan di sebut di dalam Bab 3 berserta kos-kos yang bersangkutan dengan pembinaan jalan-jalan dan lebuhraya. Bab 4, tinjauan ke atas amalan program penswastaan lebuhraya serta perlunya program ini diwujudkan di dalam usaha melicin dan meningkatkan pengurusan jalanraya.
3. Untuk mengenalpasti keberkesanan Projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) yang juga merupakan salah satu program penswastaan perhubungan awam.

Ini dapat dilihat di dalam bab 5 yang akan menerangkan mengenai penubuhan dan pelaksanaan projek-projek yang dijalankan oleh PLUS, keberkesanan program penswastaan ke atas pembangunan harta tanah dan pembangunan negara, pertumbuhan ekonomi, produktiviti dan lain-lain.

Di dalam Bab akhir, penulis akan membincangkan keberkesanan program penswastaan jalanraya di negara ini dan akan mengemukakan beberapa cadangan serta pandangan beliau bagi membantu melicinkan program penswastaan sistem perhubungan jalanraya di negara ini serta mengenalpasti sama ada sistem yang diamalkan wajar dan adil sejajar dengan matlamat penswastaan.